

PROSES PENGURUSAN PELUPUSAN TEKS-TEKS AL-QUR'AN DI JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR: PERANAN PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB DAN PERMASALAHANNYA

Siti Aisyah Ab Gani

akiqaisyah@gmail.com

Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi

Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Mohd Nazri Ahmad

m_nazri@ukm.edu.my

Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi

Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Abstrak

al-Qur'an al-Karim adalah kitab suci umat Islam yang wajib dihormati tidak kira ia masih baru atau sudah tidak boleh digunakan lagi. Pemeliharaan al-Qur'an merupakan suatu perkara yang amat penting bagi menjaga kesucian dan kemuliaannya daripada tercemar. Pihak kerajaan telah mengambil suatu inisiatif dengan melantik organisasi khusus untuk menjalankan tanggungjawab dalam mengurus bahan-bahan cetakan teks al-Qur'an. Namun begitu, kelemahan pada pengurusan telah menyebabkan masalah lambakan teks-teks al-Qur'an tidak dapat dibendung. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji proses pelupusan al-Qur'an, pihak pengurusan dan permasalahannya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan rekabentuk kajian analisis dokumen. Teknik pengumpulan data adalah menggunakan dokumen-dokumen daripada pihak yang terlibat seperti Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor sebagai sumber primer manakala secara kepustakaan sebagai sumber sekunder. Analisis data dalam kajian ini adalah dengan menggunakan pendekatan deskriptif dan komparatif. Hasil kajian mendapati perlaksanaan pelupusan al-Qur'an di Malaysia adalah memenuhi ketetapan syarak. Teknik yang sering diperlakukan hanyalah satu iaitu teknik pembakaran dan pembuangan abu ke dalam laut. Pengurusan pelupusan di Johor diuruskan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Dapatkan menunjukkan empat masalah utama yang menjadi halangan dalam menguruskan pelupusan iaitu kelemahan dan kelonggaran pada Akta Pelupusan al-Qur'an, kekurangan kekuatan tenaga kerja, mengutamakan program dan aktiviti Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan kekangan masa. Kajian ini memberi implikasi kepada pihak kerajaan dan pihak pengurusan dalam memperbaiki pengurusan pelupusan al-Qur'an di Johor ini dengan lebih efektif.

Kata kunci: pengurusan, pelupusan teks-teks al-Qur'an, permasalahan

PENGENALAN

al-Qur'an memiliki keistimewaan dan keajaiban dalam pelbagai bentuk. Mereka yang meneliti dan mentadabburkannya akan dapat merasai dan menghayatinya (Wan Mohammad Ubaidillah & Mohd Yakub 2014). Menurut 'Abd Allah Darraz (1985) "al-Qur'an itu bagaikan intan yang setiap sudutnya memancarkan cahaya yang berbeza dengan apa yang terpancar dari sudut-sudut yang lain. Keagungan al-Qur'an yang tiada tandingan terutama dari aspek kesuciannya". Allah SWT menjelaskan perkara ini dalam al-Qur'an Surah al-Baqarah 2:2,

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَبَّ لِيْ فِيهِ هُدَىٰ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

Maksudnya:

Kitab al-Qur'an ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang seumpamanya) ia pula menjadi pentunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa (beriman).

Sejarah telah menyaksikan bahawa al-Qur'an merupakan kitab samawi yang bersifat mukjizat yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW melalui Malaikat Jibril AS di bulan Ramadan. Allah SWT telah memberi jaminan sepenuhnya bahawa al-Qur'an tetap terpelihara isi kandungannya dari segala bentuk penyelewengan dan pengubahan. Allah SWT menjelaskan perkara ini di dalam al-Qur'an Surah al-Hijr 15:9,

إِنَّا نَحْنُ نَرَأُ لِكُمْ كُلَّا مَا تَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami-lah yang memelihara al-Qur'an dan sesungguhnya Kami benar-benar yang memeliharanya.

Menurut Abdul Rahman (2009) beliau menjelaskan mengenai ayat di atas bukanlah menunjukkan bahawa umat Islam tidak perlu untuk melakukan sebarang usaha di dalam pemeliharaan al-Qur'an. Hal ini kerana, manusia adalah khalifah Allah SWT di muka bumi yang merupakan pemegang segala amanah Allah SWT. Oleh sebab itu, sebagai hamba Allah SWT umat Islam dipertanggungjawabkan untuk memelihara kesucian al-Qur'an. Allah SWT juga telah memelihara kitab suci-Nya dengan pelbagai cara. Seperti yang disebutkan oleh Fatin Mahfuzah (2015) salah satu cara ialah melalui hafalan dan penulisan dalam bentuk kitab.

Kitab suci al-Qur'an menjadi panduan dalam memimpin dan memandu hidup manusia menerusi isi kandungannya yang mampu menunjuk ke arah jalan yang berlandaskan syariat Islam. Oleh itu, setiap umat Islam adalah diamanahkan untuk menjaga teks-teks al-Qur'an supaya tidak dijadikan suatu bahan bacaan yang boleh dicaci, diseleweng dan dihina. Contohnya, kitab-kitab samawi terdahulu yang telah diubahsuai dan diseleweng oleh musuh-musuh Islam.

Masakini, kajian demi kajian berkaitan bidang '*ulum al-Qur'an*' banyak berkaitan dengan sejarah mushaf al-Qur'an. Ia melibatkan beberapa fasa seperti fasa penurunan, pengumpulan, penulisan dan pembukuan teks-teks al-Qur'an. Banyak ujian dan rintangan yang terpaksa dihadapi oleh setiap para sahabat dan tabiin sehingga dapat menyempurnakan suatu mushaf yang cukup sempurna dan berada di tangan umat Islam sekarang. Ini membuktikan di dunia ini tidak ada satu kitab yang mampu menyaingi al-Qur'an yang boleh diubah, diganti, dibuang perkataan, huruf maupun teks yang terdapat di dalamnya. Begitu agung dan mulianya ayat-ayat al-Qur'an ini sehingga ramai di kalangan umat Islam yang menghafalnya dan membacanya sebagai amalan harian.

LATAR BELAKANG PUSAT PELUPUSAN AL-QUR'AN

Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor

Bahagian Penyelidikan merupakan salah satu bahagian yang terdapat di Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Aktiviti Penyelidikan dilaksanakan bermula pada tahun 1980-an

(1980-1990) yang diterajui oleh seorang Pegawai Penyelidik di bawah penyeliaan Kadi Besar Johor. Antara pegawai penyelidik yang terlibat dalam tempoh sepuluh tahun tersebut seperti Ustaz Haji Dusuki Ahmad, Ustaz Haji Latif Awang, Ustaz Haji A. Karim Yusof, Ustaz Haji Asa'ari Tibek dan Dr. Haji Mohd Azman Mohsin.

Pada tahun 1991, aktiviti Penyelidikan terus diperkasakan perananya dengan mewujudkan Bahagian Penyelidikan di bawah penyeliaan seorang pegawai Hal Ehwal Islam yang dikenal sebagai Ketua Penolong Pengarah bahagian Penyelidikan. Bermula daripada Ustaz Haji Syed Ahmad Syed Abdullah (1991-1994), Ustaz Haji Jainal Sakiban (1994-1996), Ustaz Haji Asa'ari Tibek (1996-2004), Ustaz Haji Burhanuddin Haji Tibek (2006-2008), Ustaz Haji Yosree Ikhsan (2009) dan Ustazah Sariah Khamis (2018). Bahagian ini turut dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S29 dan 2 orang Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S19.

1. Objektif Penubuhan

Bahagian Penyelidikan diwujudkan bagi berperanan mencapai objektif:

- i. Menyediakan wadah dan tenaga bagi menjalankan penyelidikan dan kajian yang berkaitan dengan hal ehwal Islam di negeri Johor.
- ii. Mengumpul dan menyimpan maklumat dan bahan terbitan untuk rujukan umum.
- iii. Memberikan khidmat panduan dan rujukan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan aqidah, syariah dan akhlak Islam.

2. Fungsi

Bagi mencapai kepada objektif, Bahagian akan melaksanakan fungsi-fungsi yang telah ditentukan:

- i. Penyelidikan dan kajian hal ehwal Islam dan penganutnya yang berkaitan dengan isu-isu semasa yang melibatkan Aqidah (kepercayaan), Syariah (hukum ahkam dan peraturan) dan Akhlak umat Islam.
- ii. Kajian terhadap kefahaman, pegangan, amalan dan sebaran am seperti bahan-bahan cetak.
- iii. Mengeluarkan dokumen pengesahan terhadap isu-isu yang telah dilakukan penyelidikan dan kajian untuk dijadikan panduan kepada orang awam seperti Tauliah Juru Sembelih, Perakuan Samak (sertu), Sijil Pengesahan Halal dan sebagainya.
- iv. Menganjurkan aktiviti oenjelasan dan penerangan kepada agensi dan orang awam terhadap perkara-perkara di atas seperti Seminar Pengukuhan Aqidah, Kursus Penyembelihan Halal, Kursus Intensif Halal, pameran dan sebagainya.
- v. Menerbitkan bahan ilmiah dalam bentuk percetakan dan rakaman CD, VCD dan DVD.
- vi. Pusat rujukan terhadap bahan-bahan ilmiah dan maklumat Hal Ehwal Islam (SISMI).

Berikutnya dengan musibah banjir yang melanda negeri Johor pada penghujung tahun 2006 yang lepas, telah mengakibatkan banyak bahan media cetak rosak dan musnah seperti al-Qur'an, kitab-kitab agama, buku-buku dan sebagainya. Namun, yang paling menyedihkan adalah kelihatan helaian-helaian yang mengandungi ayat suci al-Qur'an terpisah dari tempat asalnya serta ada sebahagian al-Qur'an yang terbiar terendam dan mengembang di dalam banjir. Kesannya, berlakulah lambakan al-Qur'an dan buku-buku agama basah yang membuatkan umat Islam pada ketika itu buntu hendak menguruskan dan menyelesaikan mengikut kaedah yang sepatutnya (Sariah 2017).

Bahagian Penyelidikan (JAINJ) telah mengambil inisiatif bagi mengurus dan menyelesaikan masalah lambakan al-Qur'an yang terjadi kesan daripada banjir besar itu. Aktiviti mengumpul naskah al-Qur'an telah dilakukan dan kesemua al-Qur'an tersebut diletakkan di suatu tempat yang selamat sebelum di hantar ke Syarikat Percetakan Sufi bagi proses pelupusan al-Qur'an. Pada waktu itu, hanya sebahagian sahaja naskah al-Qur'an yang di hantar ke Syarikat Percetakan Sufi, sebahagian yang lain tidak dapat di hantar ke sana kerana menghadapi masalah kos kewangan. Disebabkan kos penghantaran dan pelupusan al-Qur'an ke Syarikat Percetakan Sufi memakan belanjawan yang sangat besar, Bahagian Penyelidikan (JAINJ) telah mencari jalan lain bagi mengatasi masalah tersebut dengan menubuhkan pusat pelupusan al-Qur'an sendiri bagi menyelesaikan masalah lambakan al-Qur'an. Operasi melupuskan al-Qur'an rosak dapat dijalankan dengan terancang dan teratur. Dengan wujudnya pusat pelupusan al-Qur'an ini, ia memudahkan aktiviti pelupusan di laksanakan pada bila-bila masa disamping dapat menjimatkan kos belanjawan.

Oleh hal yang demikian, menjadi tanggungjawab Jabatan Agama Islam Negeri Johor melalui unit penyelidikan menguruskan pelupusan teks-teks al-Qur'an sebagai langkah untuk memelihara kesucian dan kehormatan agar al-Qur'an tidak di pandang hina. Proses pelupusan al-Qur'an dan ayat-ayat al-Qur'an dalam semua bentuk seharusnya dilakukan mengikut tertib demi menjaga kesucian al-Qur'an yang menjadi mukjizat nabi Muhammad SAW dan merupakan panduan hidup umat Islam sehingga ke hari kiamat.

FATWA PELUPUSAN AL-QUR'AN NEGERI JOHOR

Keputusan Fatwa Negeri Johor telah mengeluarkan garis panduan untuk tujuan pelupusan al-Qur'an lama, kitab agama yang rosak, buku atau majalah yang mengandungi ayat suci al-Qur'an, hadith dan doa hendaklah dilupuskan mengikut panduan yang telah ditetapkan oleh syarak. Muzakarah Jawatankuasa Negeri Johor yang bersidang pada 18 Ogos 2002 telah membincangkan tentang pelupusan al-Qur'an, bahawa muzakarah tersebut telah memutuskan,

Apa-apa bahan buangan yang diatasnya tercetak atau terdapat sesuatu ayat al-Qur'an hendaklah dilupuskan dengan dibakar di satu tempat bertutup yang tidak dapat dimasuki oleh orang awam bersesuaian dengan kemuliaan al-Qur'an, kemudian abunya dibuang ke dalam air yang mengalir seperti sungai atau laut atau ditanam di tempat yang tinggi yang tidak dilalui atau dipijak oleh manusia dan haiwan.

Ini menunjukkan bertapa pentingnya umat Islam menjaga dan memelihara kemuliaan dan kesucian ayat-ayat suci al-Qur'an. Dengan adanya undang-undang, enekman, akta dan garis panduan ini akan memudahkan umat Islam melaksanakan tugas dan amanah ini.

GARIS PANDUAN PENGHANTARAN AL-QUR'AN BAGI TUJUAN PELUPUSAN

Bahagian penyelidikan JAINJ telah menerbitkan satu garis panduan, pengendalian dan pelupusan bahan-bahan penerbitan yang mengandungi ayat-ayat suci al-Qur'an. Garis panduan ini diterbitkan bertujuan untuk menjaga kehormatan ayat-ayat suci al-Qur'an dan dijadikan sebagai panduan kepada dua pihak iaitu mereka yang terlibat dalam sebarang aktiviti seperti di atas dan juga pada agensi-agensi di peringkat negeri yang

bertanggungjawab mengawal aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perkara berkenaan. Semua aktiviti yang berkaitan dengan pelupusan bahan-bahan yang mengandungi ayat suci al-Qur'an hendaklah,

- i. Dilakukan oleh orang yang beragama Islam sahaja.
- ii. Hanya al-Qur'an sahaja yang diterima bagi proses pelupusan.
- iii. Al-Qur'an yang dihantar untuk dilupuskan tidak boleh di campur dengan bahan-bahan terbitan Islam lain seperti kitab-kitab sekolah agama dan sebagainya.
- iv. Penghantaran al-Qur'an yang melebihi lima naskhah hendaklah diracik (shriden) terlebih dahulu sebelum dihantar ke pejabat Kadi Daerah bagi memudahkan kerja-kerja pelupusan al-Qur'an.

Justeru itu, dengan adanya undang-undang dan garis panduan ini ia dapat memberi panduan dan rujukan kepada umat Islam untuk melaksanakan tugas dan amanah dalam melupuskan teks-teks al-Qur'an.

PENDAPAT ULAMA KONTEMPORARI DAN MASA KINI

Kaedah pembakaran mushaf bagi memelihara al-Qur'an merupakan suatu kaedah yang diambil daripada ijтиhad yang dilakukan oleh Sayyidina 'Uthman ketika pemerintahannya. Kaedah yang sama turut digunakan oleh Marwan ibn al-Hakam ketika pemerintahannya dengan membakar mushaf yang telah dikumpul ketika zaman Abu Bakr. Di antara tujuan membakar al-Qur'an adalah untuk menjaga dan memelihara setiap firman Allah dan nama zat yang Maha Agung terhadap perkara-perkara yang tidak selayaknya dilakukan seperti dipijak dan dibuang di tempat-tempat yang bernajis dan dilonggokan sampah-sarap. Perintah Sayyidina 'Uthman untuk membakar kertas mushaf ketika beliau mengumpulkan al-Quran, menunjukkan bolehnya membakar kitab yang tertulis nama-nama Allah Ta'ala.

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ فِي جَمِيعِ عُثْمَانَ الْمَصَاحِفِ، قَالَ: حَتَّى إِذَا نَسَحُوا الصُّحْفَ فِي الْمَصَاحِفِ، رَبَدَ عُثْمَانُ الصُّحْفَ إِلَى حَفْصَةَ، وَأَرْسَلَ إِلَى كُلِّ أَفْقِي مُصْحَفٍ مِمَّا نَسَحُوا، وَأَمْرَ بِمَا سِوَاهُ مِنَ الْقُرْآنِ فِي كُلِّ صَحِيفَةٍ أَوْ مُصْحَفٍ أَنْ يُخْرَقَ

Maksudnya:

Daripada Anas ibn Malik dalam pengumpulan mushaf di zaman 'Uthman, selepas selesai menyalin semula mushaf, 'Uthman mengembalikan mushaf rujukan kepada hafSah dan membuat beberapa salinan daripada mushaf utama untuk dikirimkan ke pelbagai pelusuk dunia Islam. 'Uthman memerintahkan agar dibakar segala mushaf yang selain daripada mushaf utama (Rasm 'Uthmani) (*al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab Fada'il al-Qur'an, Bab Jam' al-Qur'an, no. 4702*).

Berdasarkan hujah daripada kitab *Sahih al-Bukhari*, yang meriwayatkan perbuatan sahabat di zaman Khalifah 'Uthman yang telah membakar al-Qur'an yang bukan ditulis dalam ijmak. Kenyataan dalam kitab seperti di bawah,

وَأَمْرَ بِمَا سِوَاهُ مِنَ الْقُرْآنِ فِي كُلِّ صَحِيفَةٍ أَوْ مُصْحَفٍ أَنْ يُخْرَقَ

Maksudnya:

Dan ('Uthman) memerintahkan agar dibakar segala mushaf atau Sahifah yang selain daripada al-Qur'an (Rasm 'Uthmani).

Ibn Battal menafsirkan hadith di atas seperti berikut merujuk kitab *Fath al-Bari*,

فِي هَذَا الْحَدِيثِ جَوَازُ تَحْرِيقِ الْكِتَبِ الَّتِي فِيهَا اسْمُ اللَّهِ بِالنَّارِ وَأَنَّ ذَلِكَ إِكْرَامٌ لَّهَا وَصَوْنٌ عَنْ وَطْنِهَا بِالْأَقْدَامِ

Maksudnya:

Hadith tersebut menjadi dalil bahawa harus membakar dengan api buku-buku yang di dalamnya terdapat nama Allah SWT sebagai menghormati atau memuliakannya serta memelihara daripada dipijak.

Menurut al-Zarkashi (1967) dalam kitab *al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an menyebut membakar lebih baik daripada membasuh atau merendamkannya dengan air kerana air basuhan tersebut akan jatuh ke bumi.*

أَنَّ الإِحْرَاقَ أَوْلَى مِنَ الْغَسْلِ لِأَنَّ الْغَسْلَةَ قَدْ تَقْعُ عَلَى الْأَرْضِ

Maksudnya:

Membakar lebih baik daripada membasuh atau merendamkannya dengan air kerana air basuhan tersebut akan jatuh ke bumi.

Menurut al-Suyuti (2003) beliau menerima pandangan bahawa al-Qur'an yang sudah lama atau terkoyak boleh dibakar asalkan niat melakukannya adalah untuk mengelakkan mushaf lama itu daripada terjatuh ke tanah lalu dipijak. Beliau juga berpegang kepada pengamalan yang dilakukan oleh Sayyidina 'Uthman. 'Abd al-Razzaq meriwayatkan bahawa beliau membakar surat yang mengandungi Bismillah apabila dia telah mengumpul jumlah yang baik daripada mereka, dan 'Urwah melakukan perkara yang sama.

Di samping itu, Shaykh 'Atiyyat Saqr yang merupakan salah seorang ahli Majlis Fatwa al-Azhar berpendapat membakar al-Qur'an adalah diharuskan jika bertujuan untuk menyelamatkannya dari sebarang penghinaan. Hujah ini juga turut disandarkan pada dalil riwayat Anas ibn Malik,

..... وَأَمْرَ بِمَا يُبَاهُ مِنَ الْقُرْآنِ فِي كُلِّ صَحِيفَةٍ أَوْ مُصْحَفٍ أَنْ يُحْرَقَ .

Maksudnya:

..... 'Uthman memerintahkan agar dibakar segala mushaf yang selain daripada mushaf utama (Rasm 'Uthmani) (*al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab Fada'il al-Qur'an, Bab Jam' al-Qur'an*, no. 4702)

Beliau menyimpulkan bahawa kaedah membakar al-Qur'an yang tidak digunakan adalah merupakan cara yang paling ringan sekali. Oleh itu untuk memelihara al-Qur'an ini perlulah disertakan dengan menjaga niat daripada ditimpa sebarang penghinaan, kejadian dan perbuatan yang boleh mencemar kemuliaan al-Qur'an Karim.

Seterusnya, al-Shaykh Mahmud Ahmad Sa'id al-Atrash (2004) mengatakan membakar al-Qur'an atau keratan-keratan akhbar, majalah dan buku-buku yang mengandungi kalam Allah itu lebih baik dan utama daripada membasuh, merendam dan menanamnya. Ini kerana perbuatan membakar itu adalah perbuatan sahabat sebagaimana yang dilakukan oleh Sayyidina 'Uthman al-'Affan ketika mana memerintahkan agar dibakar al-Qur'an selain daripada mushaf 'Uthmani yang mengandungi ayat-ayat yang telah dimansukhkan demi mengelakkan perlakunya percampuran antara mushaf. Pendapat ini turut disokong oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Zulkifli (2014) dengan menyatakan al-Qur'an yang rosak perlu dikumpul setempat dan dibakar serta menanamnya selepas itu. Hal ini berdasarkan tindakan khalifah Islam ketiga 'Uthman ibn Affan RA, ketika menyatakan umat Islam di atas satu mushaf dan membakar mushaf-mushaf lain yang menyalahinya.

Namun begitu, al-Qadi Husayn mlarang membakarnya kerana ia melanggar perlakuan menghormati. al-Nawawi mengatakan bahawa membakarnya sebagai makruh. Manakala terdapat di dalam sebahagian Kitab Mazhab Hanafi, jika lembaran al-Qur'an tidak dapat digunakan maka hendaklah ditanam dan diletakkan tanda untuk mengelakkan daripada dipijak. Begitu juga Mazhab Hanbali tidak menggalakkan untuk dibakar tetapi lebih diutamakan untuk ditanam dalam tanah. Ulama al-Shafi'i, mlarang membakar al-Qur'an kerana mereka berpandangan membakar adalah bersalahan dengan tatacara menghormati al-Qur'an itu sendiri sebagaimana Imam al-Nawawi sendiri menghukumkan makruh membakarnya (al-Suyuti 2003).

Akhir sekali, Imam al-Nawawi (2003) menambah hujahnya bahawa di antara cara lain menghormati kitab suci al-Qur'an ialah ia tidak boleh mencampakkan dan menindih dengan sesuatu di atasnya. Dalam hal ini beliau menjelaskan bahawa apabila seseorang Islam itu melempar atau mencampakkan mushaf ke tempat-tempat yang kotor dan jijik, dia dihukumkan sebagai kafir. Begitu juga haram meletakkan sesuatu di atasnya sekalipun dengan kitab-kitab agama. Menurut beliau, sebagaimana yang telah diriwayatkan di dalam musnad al-Darimi bahawa 'Ikrimah ibn Abu Jahal meletakkan mushaf di mukanya (separasnya muka) seraya berkata, "Kitab Tuhanaku, kitab Tuhanaku." Berdasarkan riwayat ini adalah wajar meletakkan al-Qur'an itu di tempat yang sesuai seperti di atas kepala dan tidak di tempat yang hina dan tercemar.

Meneliti garis panduan keluaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, bilangan 2 tahun 2015 yang bertajuk *Garis Panduan Pembuatan, Pengendalian, Penjualan dan Pelupusan Bahan-bahan Penerbitan dan Perhiasan yang Mengandungi Ayat-ayat Suci al-Quran* di bawah sub tajuk pelupusan, telah menetapkan bahawa kaedah pelupusan al-Qur'an yang rosak, koyak dan tidak boleh dibaca dan yang bukan Rasm 'Uthmani hendaklah melalui dua cara iaitu dibakar ataupun ditanam di tempat yang dikawal.

Pelaksanaan pembakaran mushaf al-Qur'an di Malaysia adalah mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh JAKIM bersandarkan peristiwa pembakaran al-Qur'an yang pernah dilakukan oleh Sayyidina 'Uthman sewaktu zaman pemerintahannya. Pemilihan kaedah tersebut mengambil kira faktor persekitaran seperti keadaan cuaca dan masa serta sebagai langkah berhati-hati dalam melupuskan kitab suci al-Qur'an. Setelah abu al-Qur'an melalui beberapa proses saringan dan akhirnya akan dijadikan kiub batu sebelum ia di hanyutkan ke laut yang mengalir oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Di antara negeri yang mempraktikan kaedah pembakaran adalah negeri Ipoh, Perak, Pulau Pinang, Perlis dan Kedah di bawah Institut Tadbiran Islam (INTIM), Selangor di bawah Syarikat Saufi, Pahang di bawah Pusat Pemulihan al-Quran, Kelantan di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK), Terengganu di bawah Majlis Islam dan Adat Melayu (MAIDAN), Negeri Sembilan di bawah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Melaka di bawah Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Melaka, Johor di bawah Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAIND) dan akhir sekali Sarawak di bawah Jabatan Agama Islam Sarawak manakala Sabah masih dalam perancangan untuk menwujudkan pusat pelupusan al-Qur'an sendiri (Sariah 2017).


Selanjutnya, usaha dan sikap tanggungjawab serta kerjasama yang ditonjolkan oleh badan kerajaan dan bukan badan kerajaan dalam menguruskan pelupusan al-Qur'an di negara ini haruslah di puji dan di hargai kerana telah menyelesaikan suatu permasalahan yang timbul di samping melaksanakan fardu kifayah yang dituntut oleh agama Islam.

PROSES PELUPUSAN AL-QUR'AN DI JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

Kewujudan pusat pelupusan bahan-bahan al-Qur'an ini adalah untuk memudahkan masyarakat Islam yang ingin melupuskan barang-barangan yang mempunyai ayat-ayat al-Qur'an yang tidak mahu dipelihara dan disimpan dapat dilupuskan mengikut hukum Syara'. Bahagian Penyelidikan (JAINJ) menawarkan perkhidmatan pelupusan bahan-bahan cetakan al-Qur'an di negara ini, melakukan kerja dengan sempurna dengan mengikuti segala garis panduan yang telah ditetapkan supaya tidak menimbulkan sebarang keraguan dan kekeliruan.

Kerja melupuskan ayat-ayat suci al-Qur'an tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya kerana ia perlu mengikut dan melaksanakannya dengan kaedah tertentu. Proses pelupusan yang dilakukan dibawah Majlis Agama Islam Negeri Johor adalah berdasarkan kepada garis panduan yang telah ditetapkan iaitu garis panduan yang berdasarkan keputusan Lujnah Fatwa Negeri Johor yang bersidang pada 18 Ogos 2002.

Dalam melaksanakan pelupusan al-Qur'an, bahagian penyelidikan akan memastikan kerja pelupusan ayat-ayat suci ini dilakukan dengan tertib dan setiap aspek perlu diberi perhatian teliti termasuk memastikan bahan bakar itu tidak berterbangan, bersepah, dipijak atau dilangkah. Oleh demikian, pihak ini telah membahagikan kepada lima peringkat dalam memproses bahan-bahan cetakan tersebut. Ini adalah bertujuan bagi memudahkan bahan-bahan itu berubah menjadi abu-abu yang halus bagi memudahkan proses pembuangan di dalam laut.



Ilustrasi 1. Langkah-langkah Pelupusan al-Qur'an

Peringkat pertama adalah penerimaan bahan. Dengan menggunakan seorang pekerja untuk mengendalikan proses pelupusan diwajibkan untuk melakukan kerja dengan tertib dan memulakannya dengan berwuduk. al-Qur'an yang diterima dari orang awam, sekolah, masjid dan surau ataupun dari agensi-agensi hendaklah rosak fizikalnya.

Contohnya, lusuh, koyak, basah akibat banjir, tersalah cetak, dimakan anai-anai dan telah pudar tulisan dan dakwatnya sehingga sukar untuk membacanya. Peringkat kedua adalah merekod bahan. Segala maklumat berkaitan dengan bahan pelupusan hendaklah direkodkan bagi tujuan untuk mengumpul data dan mengenalpasti jumlah al-Qur'an yang diterima untuk dilupuskan. Di samping itu, maklumat tersebut akan dijadikan bukti yang kukuh dan rujukan pada masa hadapan. Peringkat ketiga adalah pembakaran bahan. Pembakaran bahan-bahan al-Qur'an akan dilakukan dengan menggunakan sebuah mesin pembakar khas yang dikenali sebagai *Islamic Incinerator Mobile Mechine* (I^2M^2). Proses pembakaran ayat suci al-Qur'an menggunakan mesin khas mengambil masa yang singkat dan cepat. Setiap kali sesi pembakaran, mesin *insinerator* mestilah dipanaskan terlebih dahulu menggunakan gas industri dan ia akan mengambil masa selama empat jam dengan keupayaan seorang tenaga kerja sahaja. Naskhah al-Qur'an seberat 50 kilogram akan diletakan ke dalam mesin (I^2M^2) bagi proses pembakaran. Kepanasan suhu pembakaran yang tinggi 700 darjah celsius membolehkan teks-teks al-Qur'an terbakar secara keseluruhannya dan tempoh pembakaran mengambil masa yang sangat singkat iaitu lima minit sahaja. Peringkat keempat adalah proses membatakan abu. Proses memandikan abu ini adalah suatu proses mencampurkan dan mengaul rata abu dengan air. Ia merupakan suatu proses yang dilakukan selepas bahan-bahan yang dilupuskan selesai menjalani pembakaran dan telah disejukkan semalam. Proses ini adalah bagi mengelakkan abu tersebut berterbangan. Seterusnya, sukanan bagi membatakan abu adalah 2kg abu dibancuh dengan 1.5liter air bagi menghasilkan 500g bata. Kemudian, abu-abu yang telah dibatakan akan ditapis bagi mempercepatkan proses pengeringan dan pemampatan supaya ia menjadi kiub yang keras. Ini kerana bentuk kiub lebih memudahkan proses melupuskannya di laut. Apabila dibuang, kiub yang mengandungi ayat suci al-Qur'an ini akan terus ke dasar dan hancur secara perlahan. Akhir sekali adalah proses malarutkan abu ke laut. Jarak bagi melarutkan abu hendaklah lebih kurang 15 kilometer dari persisiran pantai. Hal ini kerana jarak tersebut sangat sesuai bagi proses pelarutan abu untuk sampai ke dasar pantai di samping dapat memelihara dan menghormati kesucian al-Qur'an. Pada peringkat ini, ia akan melibatkan beberapa pihak untuk bekerjasama sebagai contoh Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Jabatan Laut Wilayah Selatan, Maritim, Jabatan Taman Laut dan Jabatan Pengairan dan Saliran. Pihak-pihak ini akan berkerjasama dalam membantu melaksanakan misi melupuskan al-Qur'an supaya kerja-kerja dapat dilakukan dengan baik dan sempurna. Proses pelupusan al-Qur'an ke dalam laut merupakan suatu pendekatan terbaik dan sempurna untuk menjaga kesuciaan al-Qur'an. Setelah bahan-bahan yang dilupuskan telah melalui beberapa peringkat pemprosesan, kiub yang mengandungi ayat suci al-Qur'an itu akan disempurnakan dengan melupuskan dan menghanyutkan ke dalam laut.

Oleh yang demikian, proses pelupusan al-Qur'an tidaklah semudah untuk melupuskan bahan cetakan-cetakan yang lain yang harus melalui beberapa proses. Pembakaran helaihan dan ayat suci al-Qur'an perlu dilakukan dengan sempurna sehingga ayat dan kalimah tersebut tidak lagi kelihatan sebelum dihancurkan dan diproses menjadi debu untuk dilupuskan ke dalam laut. Sesungguhnya dengan usaha-usaha Jabatan Agama Islam Negeri Johor ini dalam melaksanakan tugas fardu kifayah seharusnya dipuji kerana niat yang baik dalam menjaga kesuciaan al-Quran ini merupakan suatu yang dianjurkan dalam Islam.

DAPATAN KAJIAN

Permasalahan dalam Pelupusan al-Qur'an

Berdasarkan kajian, pengkaji telah mengenalpasti tiga masalah utama dalam pelupusan al-Qur'an yang dihadapi oleh pihak ini. Pengkaji juga telah menemui maklumbalas yang sama apabila diajukan soalan mengenai masalah yang dihadapi. Masalah utama yang didapati adalah seperti berikut,

i. Kelemahan dan kelonggaran Akta Pelupusan al-Qur'an

Merujuk kepada akta berkaitan dengan pelupusan al-Qur'an dalam Subseksyen 11(1) dan (3) dalam Akta Percetakan Teks al-Qur'an 1986, penggunaan perkataan 'seseorang' dalam kenyataan tersebut tidak difokuskan kepada orang Islam. Hal ini menunjukkan bahawa pelupusan al-Qur'an secara pembakaran dapat dilakukan oleh semua orang termasuk orang bukan Islam. Walau bagaimanapun sekiranya al-Qur'an itu dibakar oleh orang kafir berkemungkinan tidak dapat diketahui tujuan sebenar samada untuk pemeliharaan atau penghinaan ayat-ayat al-Qur'an. Ini dapat dibuktikan berdasarkan Akta 326 Seksyen 11(1) yang menyatakan seperti berikut,

Seseorang yang mencetak sesuatu teks al-Qur'an atau bahan al-Qur'an hendaklah mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan bahawa apa bahan buangan yang di atasnya tercetak atau terdapat sesuatu ayat al-Qur'an dimusnahkan dengan serta merta dengan membakarnya di suatu tempat tertutup yang tidak dapat dimasuki oleh orang awam dan tidak meninggalkan premis percetakan itu dengan apa-apa cara kecuali semasa ia dipindahkan ke suatu tempat untuk dimusnahkan sebagaimana yang telah disebutkan (Undang-undang Malaysia 2008)

Selain itu, pengkaji mendapati akta pelupusan al-Qur'an yang terkandung dalam undang-undang adalah bersifat terlalu khusus dan tidak menyeluruh. Akta tersebut hanya memfokuskan kepada premis percetakan sahaja dan tidak ditujukan kepada semua pihak. Hal ini seolah-olah hanya segelintir pihak sahaja yang berperanan dalam pelupusan al-Qur'an. Ayat yang terkandung dalam undang-undang tersebut adalah, "seseorang yang mencetak sesuatu teks al-Qur'an atau bahan al-Qur'an".

Sewajarnya akta berkaitan pelupusan al-Qur'an perlu diperhalusi dengan menyatakan setiap masyarakat Islam yang memiliki sesuatu teks al-Qur'an adalah bertanggungjawab untuk memelihara dan melupuskan mengikut syarak. Isu pembuangan bahan-bahan al-Qur'an tidak hanya dilakukan oleh pemilik premis percetakan sahaja. Ia juga dilakukan oleh sikap segelintir masyarakat yang memandang ringan terhadap kesucian al-Qur'an. Oleh yang demikian amatlah wajar sekiranya undang-undang yang ditetapkan adalah melibatkan kepada semua pihak secara langsung.

ii. Kekurangan kekuatan tenaga kerja

Maksud kekurangan kekuatan tenaga kerja dalam erti kata lain kurangnya kakitangan yang mahir dalam aktiviti pelupusan merupakan suatu masalah yang timbul dikalangan pihak JAINJ. Kekurangan kakitangan, pengalaman, kekuatan fizikal dan pengetahuan dalam pelupusan al-Qur'an menyebabkan masalah untuk melaksanakan pelupusan al-Qur'an agak terbatas. Sebagai contoh di bahagian Penyelidikan JAINJ hanya diuruskan oleh Pegawai, Penolong Pegawai dan Pembantu Hal Ehwal Islam di bawah bahagian penyelidikan. Bahagian ini tidak hanya tertumpu pada pelupusan semata-mata. Mereka

juga terpaksa membuat tugas lain seperti memantau premis-premis percetakan, kedai buku, kedai serbaneka, kedai CD dan VCD tentang penyalahgunaan ayat suci al-Qur'an pada produk dan bahan perhiasan terbitan Islam di samping membuat penapisan media cetak dan media elektronik, seperti laman web, blog dan buku-buku serta menebitkan bahan ilmiah seperti majalah Warta JAINJ buku dan pamphlet. Hal ini kerana bahagian tersebut mempunyai tiga orang kakitangan dan hanya seorang sahaja yang ditugaskan untuk mengawal selia sepenuhnya aktiviti pelupusan (Mohd Hanafi 2017). Oleh yang demikian, jelaslah bahawa bebanan yang berat diletakkan di atas bahu kakitangan yang sedikit menjadikan suatu halangan untuk melaksanakan tugas dalam pelupusan al-Qur'an secara berkala dan teratur.

iii. Mengutamakan program Jabatan Agama Islam Negeri Johor

Berdasarkan hasil temu bual Rohaya Osman (2017) yang diperolehi, masalah yang dibangkitkan adalah mengenai memberi laluan kepada program utama yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Kedudukan Pusat Pelupusan al-Qur'an JAINJ berada di suatu kawasan yang terpencil dan tersembunyi. Ini kerana bagi mengelakkan fitnah dari orang awam yang mendakwa pembakaran mashaf al-Qur'an diumpakan seperti menghina kitab suci itu. Walhal, teknik yang paling sempurna dan terbaik adalah membakar bagi menjaga kemuliaannya. Oleh kerana pusat ini bersebelahan dengan dewan utama JAINJ dan perlu melalui satu pintu sahaja untuk sampai ke kawasan pelupusan ia mendatangkan kesukaran kepada kakitangan bahagian penyelidikan untuk melakukan proses pelupusan kerana pintu itu berdekatan dengan dewan besar JAINJ. Sekiranya terdapat program di dewan besar JAINJ, maka segala aktiviti pelupusan akan ditangguhkan dahulu buat sementara waktu kerana bagi laluan kepada program-program yang sedang berlangsung.

iv. Kekangan masa

Kekangan masa turut menjadi punca berlakunya lambakan al-Qur'an. Apabila berlaku pertembungan masa antara program jabatan dengan waktu proses pelupusan dilakukan, secara tidak langsung kakitangan bahagian penyelidikan turut menyertai dan terlibat dalam menjayakan program jabatan. Manakala, aktiviti pelupusan akan diberhentikan buat seketika kerana ketiadaan kakitangan yang mengawal selia pusat pelupusan al-Qur'an tersebut (Mohd Hanafi 2017). Menurut pegawai di Bahagian Penyelidikan JAINJ, mereka sukar untuk mencapai kpi setiap tahun jika mengikut jadual yang telah ditetapkan tahunan kerana terpaksa memberi ruang dan keutamaan kepada program jabatan. Namun, mereka akan meluangkan masa pada hujung minggu bagi melaksanakan aktiviti pelupusan al-Qur'an yang tertangguh itu. Hal ini berpunca dari kekangan-kekangan yang tidak di ingini dan tidak di sengajakan yang mengundang kepada berlaku lambakan al-Qur'an (Sariah 2017).

Setelah diteliti permasalahan di atas jelas menunjukkan suatu bebanan yang berat terpaksa dipikul oleh kakitangan yang terlibat. Penyelesaian segera perlu diambil bagi mengatasi masalah lambakan bahan yang semakin bertambah dari semasa ke semasa. Sekiranya ia masih belum dapat diatasi, isu lambakan al-Qur'an masih tidak dapat diselesaikan hingga ke penghujungnya.

KESIMPULAN

Pelupusan al-Qur'an yang dilaksanakan di Jabatan Agama Islam Negeri Johor ini dilihat mencontohi pelaksanaan dalam sejarah Islam. Kaedah pembakaran yang pernah dilakukan oleh Sayyidina Uthman telah diperaktikkan untuk dicontohi bagi memastikan

pemeliharaan teks-teks al-Qur'an terus terjamin kesucianya. Justeru, sokongan dan kerjasama daripada masyarakat amatlah diperlukan bagi memastikan Kalam Allah ini terus terpelihara.

RUJUKAN

- al-Qur'an al-Karim.
- Abd Rahman Abd Ghani. 2009. *Pemeliharaan al-Qur'an: Kajian di Unit Kawalan Teks al-Qur'an Kementerian Keselamatan dalam Negeri*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abd Rahman Abd Ghani. 2009. *Rasm Uthmani Pelengkap Pembacaan al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah.
- Abdullah Basmeih. 2005. *Terjemahan Pimpinan Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Amin Ridzuan Ishak. 2017. Dua tan abu al-Quran dilupus. *Berita Harian Online*. 2 Oktober. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2017/10/332702/2-tan-abu-al-quran-dilupus> [4 Mac 2019]
- al-Atrash, Mahmud Ahmad Sa'id. 2004. *al-Ahkam al-Shar'iyyah li Qurra' al-Qur'an al-Karim*. Kuala Lumpur: Dar Iman.
- al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Isma'il. 2008. *al-Jami' al-Sahih al-Bukhari*. Jiddah: Dar al-Minhaj.
- Borneo Post Online. 2015. Bintulu Miliki Relau Pelupusan al-Qur'an Pertama di Sarawak. 10 December. *Borneo Post Online*. <https://www.theborneopost.com/2015/12/09/bintulu-miliki-relau-pelupusan-al-quran-pertama-di-sarawak/> [26 Februari 2019].
- Darraz, 'Abd Allah. 1985. *al-Naba' al-'Azim*. Doha: Dar al-Thaqafah.
- Fatin Mahfuzah Mohd Yusof. 2015. Pengurusan pelupusan teks-teks al-Qur'an di Negeri Selangor dan permasalahannya. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Habsah Ismail. 2017. JAHAEIK Luples al-Qur'an di Perairan Tok Bali. *Sinar Telus & Tulus Online*. 7 Ogos 2017
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2008. *Garis Panduan Pembuatan, Pengendalian, Penjualan dan Pelupusan Bahan-bahan Penerbitan dan Perhiasan*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd Hanafi Veeran Kutty. 2017. Unit Penapisan Media, Bahagian Penyelidikan Johor. Temu bual, 16 Oktober.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya ibn Sharaf. 1996. *al-Tibyan fi Adab Hamalat al-Qur'an*. Bayrut: Dar Ibn Hazm
- Nur Farisha Faiz. 2009. Mesin insinerator luples al-Quran. *Utusan Melaka*. utusan.com.my [25 Julai 2018].
- Rohaya Osman. 2017. Unit Penapisan Media, Bahagian Penyelidikan Johor. Temu bual, 16 Oktober.
- Sariah Khamis. 2017. Unit Penapisan Media, Bahagian Penyelidikan Johor. Temu bual, 16 Oktober.
- Shahrizal Ahmad Zaini. 2017. Pusat pelupusan al-Qur'an kini di INTIM. *Sinar: Telus & Tulus Online*. 19 Disember 2017.
- al-Suyuti, Jalal al-Din. 2003. *al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Syahidatul Akmal Dunya. 2014. Pelihara kesucian al-Quran. *Sinar Telus & Tulus Online*. 14 Mac 2014
- Unit Penapisan Media, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama. t.th. *Kaedah Melupuskan Bahan Terbitan Islam Mengikut Syara'*. Jabatan Agama Islam Negeri Johor. <https://jainj.johor.gov.my/e-dakwah/penyelidikan/3-KEADAH%20MELUPUSKAN%20BAHAN%20TERBITAN%20ISLAM%20MENGIKUT%20SYARA.pdf> [29 Disember 2014].

- al-Zarkashi, Muhammad ibn ‘Abd Allah. 1967. *al-Burhan fi ‘Ulum al-Qur’an*. al-Qahirah: Dar al-Turath.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2014. Irsyad al-Fatwa ke-12: Melupuskan al-Quran lama. *Laman Web Rasmi Mufti Wilayah Persekutuan*. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2051-12> [12 Disember 2019].